

**SULIT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM  
BIN ABU HASAN [ PARIT ]**

**NO. SOALAN : 69**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah ada usaha yang dilakukan untuk meningkatkan bantuan kepada pekebun kecil khususnya di bawah RISDA kerana didapati peruntukan yang diberi tidak mencukupi dan mengambil masa yang lama dari segi pemprosesan.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) berusaha sebaik mungkin bagi memastikan agenda pembangunan pekebun kecil negara mendapat perhatian sewajarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar bantuan yang diberikan kepada pekebun kecil telah dinaikkan sebanyak 10 kali sejak tahun 1952. Pada tahun 2010, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Kabinet Mengenai Cara-cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri (JKMPPK), Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan tanam semula seperti berikut :

**SULIT**

	<b>Jumlah Bantuan per hektar</b>	<b>Bilangan Ansuran</b>
<b>Semenanjung</b>	<b>RM9,230</b>	<b>5 kali</b>
<b>Sabah</b>	<b>RM14,000</b>	<b>5 kali</b>
<b>Sarawak</b>	<b>RM13,500</b>	<b>5 kali</b>

Bantuan yang diberikan ini termasuk kos kerja-kerja pembangunan tanah, input pertanian seperti baja, benih dan racun serta pengangkutan input pertanian ke ladang. Kementerian dan juga RISDA akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pekebun kecil dari masa ke semasa berdasarkan kepada bantuan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan tersebut.